

Krisis Datuk Kelana mungkin tamat 16 Jun

16.87

SEREMBAN, Isnin — Isu pemilihan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 dijangka menjadi tajuk perbincangan utama dalam mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, yang dijadual berlangsung 16 Jun ini.

Satu sumber tertinggi adat memberitahu *Beri-*

ta Harian, dewan akan membincangkan laporan yang akan dibentangkan oleh Setiausaha dewan, Haji Abdul Hamid Lasim mengenai perkara itu.

"Dewan memandang berat krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 yang berlarutan lebih tiga tahun dan mahu menyelesaikannya seberapa segera.

"Oleh itu, mesyuarat pada 16 Jun ini dijangka merumuskan satu jalan penyelesaian yang adil demi menjaga kesucuan Adat Perpatih," kata sumber itu.

Difahamkan laporan itu nanti akan menyentuh secara terperinci segalah perkara yang berkaitan dengan urusan perlantikan Datuk Kelana ke-10 termasuk senarai calon yang dikemukakan oleh anak-anak Waris yang layak.

Menurut sumber itu, laporan itu juga dipercaiyai mengambilkira pandangan semua anak Waris yang layak menyertai urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10 bagi membolehkan dirumuskan satu jalan penyelesaian yang sesuai.

"Di samping itu, ia juga akan mengambilkira hasil perbincangan antara Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai lama Luak Sungai Ujong dengan Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad yang berlangsung September tahun lalu.

"Datuk-Datuk Lembaga berkenaan dipercaiyai menyatakan pendirian mereka yang tetap mahu melantik Raja Abdul Rahim Raja Abdul Razak sebagai penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10.

"Sekarang terpuanglah kepada dewan untuk membuat keputusan berhubung kedudukan Raja Abdul Rahim, yang dilantik oleh Datuk Andika Mendellka Fadzil Nordin menjadi penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10 Mac tahun lalu," kata sumber itu.

Difahamkan, dewan akan turut mengkaji penggunaan sistem perlantikan Datuk Kelana ke-10 yang berlandaskan Adat Diraja sebagai salah satu usaha ke arah memecahkan kebuntuan itu.